

HUBUNGAN ANTARA KETEGASAN DIRI DAN KEPUASAN HIDUP GENERASI Y DI SABAH

BALAN RATHAKRISHNAN & SITI NOOR FAZARIAH SUIS @MOHD
RUSDY

ABSTRAK

Artikel ini untuk mengkaji hubungan antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup Generasi Y mengikut multi-etnik. Seramai 881 Generasi Y dengan min umur 20.63 telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan di Sabah, Malaysia. Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik The Rathus Assertiveness Schedule (RAS) untuk mengukur ketegasan diri dan The Life Satisfaction Questionnaire-9 (LISAT-9) mengukur kepuasan hidup. Data dianalisis menggunakan IBM SPSS versi 21.0, iaitu korelasi Pearson digunakan untuk mengkaji hubungan antara ketegasan diri dan kepuasan hidup, Ujian-T untuk menguji perbezaan daripada aspek gender dan ujian Anova sehalu untuk menguji perbezaan daripada aspek multi-etnik. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketegasan diri berhubung dengan secara signifikan dengan kepuasan hidup Generasi Y. Keputusan juga mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan dalam kalangan kumpulan gender dan etnik dalam ketegasan diri dan kepuasan hidup. Hasil kajian dapat digunakan bertujuan untuk membentuk intervensi yang bersesuaian untuk Generasi Y.

Kata Kunci: Ketegasan Diri, Kepuasan Hidup, Generasi Y, Etnik, Jantina

ABSTRACT

This article is intended to examine the relationship between self-assertiveness with life satisfaction among Y generation according to multiethnic. A total of 881 respondents from the Y generation with a mean age of 20.63 participated in this study. The study was conducted in Sabah, Malaysia. The study employed a survey adopted from the questionnaire of Rathus Assertiveness Schedule (RAS) to assess the self-assertiveness and The Satisfaction with life Questionnaire-9 (LISAT-9) measure satisfaction with life. Data were analyzed using IBM SPSS version 21.0, in which the Pearson correlation analysis is used to examine the relationship between self-assertiveness. The t-test was also used to test the difference on gender, and one way Anova was administered to test the differences on multiethnic. The result shows that there is a significant relationship between self-assertiveness with satisfaction with life among Y generation. The study also found no significant differences in terms of gender and multiethnic groups in self-assertiveness and satisfaction with life. The results can be used for the purpose of developing suitable interventions for Y generation.

Keywords: Self Assertiveness, Life Satisfaction, Y Generation, Ethnic, Gender

PENGENALAN

Kepuasan hidup mempunyai hubungkait yang erat dengan kebahagiaan, di mana kepuasan yang dirasakan dalam kehidupan memberikan perasaan bahagia kepada sesiapa sahaja yang menikmatinya (Diener, Lucas, Oishi & Suh 2002). Konsep kepuasan hidup adalah sangat subjektif. Ia didefinisikan mengikut kefahaman dan keadaan individu itu sendiri dalam memahami kepuasan kehidupannya sama ada secara keperluan peribadi, mental dan fizikal (Diener, Lucas, Oishi & Suh 2002). Dalai Lama (1999) menjelaskan kepuasan hidup atau pun boleh dikenali sebagai kegembiraan menggunakan dua aspek, iaitu keamanan mental dan keselesaan fizikal. Beutell (2006), mempercayai bahawa kepuasan hidup berhubungan dengan fizikal yang baik dan kesihatan mental, selain daripada umur yang panjang dan aspek-aspek lain yang dianggap memberi kesan positif.

Diener (1984) dalam Siti Nor, Tan, Tan dan Rumaya (2012) menyebut kepuasan hidup sebagai penilaian kognitif individu ke atas kualiti hidup mereka secara keseluruhan atau dalam domain yang spesifik. Domain yang spesifik termasuklah hubungan interpersonal dengan ahli keluarga, persahabatan, pengalaman di sekolah, persepsi terhadap diri serta persekitaran tempat tinggal (Huebner 1994) dalam Siti Nor et al. (2012). Kepuasan hidup mempunyai kesan yang adaptif dan menyumbang kepada perkembangan yang positif, khususnya kepada individu yang masih dalam peringkat remaja (Park & Huebner 2005).

Kepuasan hidup merupakan satu elemen penting dalam kalangan belia, khususnya Generasi Y yang sentiasa berhadapan cabaran yang besar dalam segala aspek. Menurut kajian lepas terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kepuasan hidup Generasi Y seperti pekerjaan, pendidikan, ekonomi, sosial dan ketegasan diri. Isu faktor pekerjaan, pendidikan, ekonomi dan sosial adalah isu yang sering dikaitkan dalam membincangkan faktor yang mempengaruhi kepuasan hidup. Satu aspek baru yang dikaitkan dengan kepuasan hidup Generasi Y ialah sikap ketegasan diri generasi tersebut. Kepuasan hidup dan ketegasan diri merupakan konsep yang masih baru di Malaysia (Salleh 2007). Kajian kepuasan hidup bersama-sama dengan ketegasan diri di Malaysia adalah amat jarang dilakukan. Ketegasan diri hanya kerap ditakrifkan dalam konteks Barat (Dwairy 2004; Poyrazli 2000; Sue & Sue 1990). Dalam konteks Timur, iaitu di Malaysia, ketegasan diri cenderung ditakrifkan sebagai sikap yang biadap dalam sesetengah budaya (Sue & Sue 1990). Walau bagaimanapun, sikap ketegasan diri sangat penting dalam kehidupan seseorang kerana ia membolehkan seseorang berpuas hati dengan tingkah lakunya.

Namun begitu, terdapat juga kajian lepas yang membuktikan bahawa ketegasan diri tidak memberi sebarang impak ke atas kepuasan hidup Generasi Y. Schimmack, Oishi, Furr dan Funder (2009) menyatakan dalam kajian yang dijalankan bahawa ketegasan diri tidak memberi hubungan kepada kepuasan hidup. Sebaliknya, menjelaskan bahawa kepuasan hidup lebih dipengaruhi oleh faktor biologi dan persekitaran. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada sikap ketegasan

diri penting dalam menentukan kepuasan hidup Generasi Y.

Selain menumpukan kepada hubungan di antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup, kajian ini juga menumpukan kepada aspek jantina dan etnik yang pelbagai dari segi ketegasan diri dan kepuasan hidup. Hal ini kerana, kajian lepas membuktikan bahawa terdapat perbezaan signifikan daripada segi jantina dan etnik. Sebagaimana Kajian Baron dan Byrne (2004), menyatakan bahawa lelaki lebih tegas diri berbanding perempuan. Dapatan kajian tersebut dapat disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Herringer (1998) yang mana menyatakan bahawa perempuan pada umumnya lebih sulit bersikap tegas diri berbanding lelaki. Namun kajian oleh Zane, Sue, Hu dan Kwon (1991), Kilkus (1993) dan Fukuyama dan Greenfield (1983) mendapati tidak ada perbezaan yang signifikan daripada segi ketegasan diri berdasarkan jantina. Jadi timbul beberapa persoalan mengenai isu kepuasan hidup dengan ketegasan diri mengikut konteks jantina.

Daripada aspek etnik pula, turut menunjukkan kepelbagaian dalam hubungan ketegasan diri dengan kepuasan hidup. Sepertimana, masyarakat di Barat sering dilihat sebagai kumpulan komuniti yang mempunyai sikap tegas diri yang lebih tinggi berbanding komuniti di Asia (Fukuyama & Greenfield 1983; Sue, Ino & Sue 1983; Thompson & Klopff 1995; Thompson, Ishii & Klopff 1990; Zane et al. 1991). Manakala, kajian oleh Yager dan Rotheram-Borus (2000) pula mendapati Generasi Y Amerika yang berketurunan dari Eropah menunjukkan sikap tegas yang lebih tinggi berbanding dengan warga Amerika yang berketurunan Afrika ataupun pelajar yang berketurunan Amerika Latin. Jelas didapati wujud perbezaan dan kepelbagaian mengikut etnik. Hal ini mungkin dapat dijelaskan oleh faktor budaya dan persekitaran mereka dibesarkan. Oleh itu, bagaimanakah pula dengan Generasi Y dalam konteks di Malaysia, di Sabah khususnya? Adakah turut menunjukkan kepelbagaian mengikut etnik dan jantina?

Oleh itu, kajian dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada wujud hubungan antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y di Sabah. Kajian ini dijalankan di Sabah kerana Sabah merupakan negeri yang mempunyai penduduk berbilang etnik, perbezaan etnik dalam isu kepuasan hidup adalah kontroversi. Faktor etnik ini banyak dikaji oleh pengkaji barat (Rujukan dan fokus mereka adalah lebih etnik orang hitam (Black Caribbean) dan etnik minoriti. Mereka mendapati orang hitam dan kumpulan minoriti lebih cenderung mengalami kepuasan hidup yang kurang memuaskan berbanding orang putih (White British). Tetapi situasi ini tidak boleh dikaitkan dengan isu kepuasan hidup dengan etnik di Malaysia. Ini adalah kerana, di Malaysia tidak ada orang hitam dan kumpulan minoriti. Negara Malaysia adalah kaya dengan masyarakat berbilang kaum terutamanya di Sabah dan Sarawak. Setiap etnik adalah berbeza daripada segi budaya, bahasa, agama dan tingkah laku (Maarof & Haslinda, 2002). Kajian mengenai etnik di Sabah agak unik kerana terdapat sebanyak 64 etnik yang berbeza namun bagi tujuan kajian ini hanya 8 kumpulan etnik utama di ambil untuk tujuan melihat kepuasan hidup dan sifat ketegasan dalam kalangan generasi Y. Perbezaan

seperti ini menyebabkan kepada pertanyaan iaitu sama ada faktor etnik membawa kepada perbezaan dalam kepuasan hidup atau tidak.

DEFINISI KONSEP

Bahagian ini membincangkan mengenai definisi konsep bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini.

Ketegasan Diri

Ketegasan diri merupakan kualiti diri menjadi seseorang yang berkeyakinan tanpa adanya sikap agresif. Tingkah laku tersebut merupakan mempertahankan hak peribadi secara jujur dengan cara yang betul. Cara yang betul merujuk kepada mempertimbangkan pandangan dan kesejahteraan orang lain. Manakala, Lazarus (dalam Iriani 2009) menjelaskan ketegasan diri adalah tingkah laku ketegasan yang wujud kerana ingin menyatakan emosinya dan keadaan afektif yang meliputi pernyataan hak-hak peribadi, membuat sesuatu untuk mendapatkan hak tersebut dan usaha untuk mencapai kebebasan emosi. Seseorang individu itu tidak akan dilihat sebagai mempunyai ketegasan diri sekiranya gagal menggambarkan perasaan, pandangan dan keyakinannya (Pratanti 2009).

Kepuasan Hidup

Kepuasan hidup merupakan kesejahteraan psikologikal seseorang individu berkenaan kepuasan kehidupan secara keseluruhan (Santrock 2002). Hurlock (2009) mendefinisikan kepuasan hidup sebagai keadaan sejahtera dan kepuasan hati apabila keperluan dipenuhi. Berdasarkan perspektif tersebut, apabila suatu keperluan tertentu dipenuhi, maka kepuasan hidup juga akan meningkat. Selain itu, kepuasan hidup juga merupakan komponen kognitif dalam kesejahteraan subjektif (Andrew & Withey dalam Diener 2000). Diener dan Diener (2008) mengatakan bahawa kepuasan hidup merupakan penilaian individu secara kognitif tentang kepuasan ke atas perkara yang telah dilakukan dalam kehidupan secara menyeluruh mengikut domain kepuasan iaitu hubungan interpersonal, kesihatan, pekerjaan, pendapatan, spiritual dan aktiviti masa lapang. Apabila lima domain tersebut dapat dicapai, maka individu tersebut menikmati tahap kepuasan hidup yang tinggi.

Generasi Y

Pelbagai definisi dan kategori yang cuba dirungkaikan oleh para pengkritik untuk menentukan bila tahun bermula dan berakhirnya Generasi Y. Namun, kebanyakan pengkritik menggunakan permulaan tahun Generasi Y adalah pada 1980 dan berakhir pada 2000. William Strauss dan Neil Howe telah menerbitkan buku berjudul 'Generations: The History of America's Future, 1584 to 2069' pada tahun 1991, yang membincangkan tentang Generasi Y dan ciri-ciri yang ada pada generasi tersebut dengan menggunakan terma Millennial. Neil Howe menggunakan tahun 1982 sebagai permulaan kelahiran bagi generasi Millennial dan 2004 merupakan tahun terakhir bagi generasi tersebut (Horowitz 2012). Definisi secara trait dan nilai, Strauss dan Howe meramal bahawa generasi Millennial lebih kepada 'Civic-minded',

iaitu Generasi Y mempunyai naluri komuniti yang kuat sama ada secara tempatan dan global (Strauss & Howe 2000). Dalam kajian ini Generasi Y iaitu Millennial diukur berdasarkan responden yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun. Penentuan umur Generasi Y tersebut adalah diambilkira daripada penentuan semula umur golongan belia yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Negara selaras dengan kategori umur yang digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan kebanyakan negara (Mohd. Ismail 2004).

Etnik

Istilah etnik berasal daripada perkataan Yunani iaitu 'ethnos' yang bermaksud orang. Satu kumpulan etnik ditakrifkan secara sosial atas dasar ciri-ciri budayanya. Etnisiti ialah rasa kekitaan sesuatu kumpulan etnik tertentu. Ini bererti wujudnya satu kebudayaan atau sub-budaya yang jelas di mana anggotanya berasa disatukan dengan satu sejarah, nilai, sikap dan tingkah laku yang sama (Erikson 2001). Kajian ini merujuk etnik sebagai kelompok manusia yang anggotanya mengaitkan diri melalui sesuatu warisan sepunya, warisan yang sebenar mahupun warisan yang dianggap sebenar. Identiti etnik dipupuk dengan membezakan kelompok diri daripada kelompok yang lain menerusi sifat-sifat seperti budaya, bahasa, agama dan tingkah laku (Maarof & Haslinda 2002).

METODOLOGI

Bahagian ini membincangkan mengenai metodologi yang digunakan dalam kajian ini, iaitu meliputi responden kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan analisis data.

Responden

Kajian ini melibatkan seramai 881 Generasi Y yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan difokuskan kepada responden yang berumur di antara 15 hingga 25 tahun. Responden kajian dipilih mengikut etnik, iaitu kumpulan etnik yang terdapat di Sabah khususnya, Malaysia secara umumnya. Berdasarkan Jadual 1 menggambarkan taburan responden kajian berdasarkan faktor demografi, iaitu seramai 361 responden lelaki dan 520 bagi responden perempuan. Manakala, taburan bagi kumpulan etnik mendapati responden daripada etnik Bajau (179 orang) lebih ramai dan diikuti etnik Dusun (111 orang), Melayu (110 orang) dan Bugis (105 orang). Daripada aspek taburan kumpulan agama, majoriti responden yang terlibat adalah Generasi Y yang beragama Islam dan dari aspek pencapaian akademik jumlah responden paling tinggi adalah yang mempunyai pencapaian akademik tertinggi STPM, iaitu seramai 215 orang. Dalam hal ini, kita dapat melihat bahawa daripada segi pengagihan etnik baik memandangkan ramai belia yang walaupun pelbagai etnik tetapi ramai di antara mereka beragama Islam. Tambahan pula tujuan kajian ini tidak tertumpu kepada agama etnik kumpulan generasi Y.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah satu set soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian, iaitu maklumat peribadi seperti jantina, umur, etnik, tahap pendidikan dan institusi pendidikan, bahagian soal selidik ketegasan diri dan soal selidik kepuasan hidup.

Ketegasan Diri

Instrumen *The Rathus Assertiveness Schedule* (RAS) digunakan untuk mengukur ketegasan diri responden. Instrumen mengandungi 30 item yang menggunakan skala likert 4, dan terdiri daripada item positif dan item negatif. Skala 1 = Sangat tidak menunjukkan diri saya, 2 = Agak tidak menunjukkan diri saya, 3 = Agak menunjukkan diri saya, dan 4 = Sangat menunjukkan diri saya.

Kepuasan Hidup

Bagi mengukur kepuasan hidup responden, instrumen *The Life Satisfaction Questionnaire-9* (LISAT-9) telah digunakan. LISAT-9 merupakan instrumen yang mempunyai 9 item dan menggunakan skala likert 4. Skala 1 = Sangat tidak berpuashati, 2 = Agak tidak berpuashati, 3 = Berpuashati, dan 4 = Sangat tidak berpuashati.

Prosedur Kajian

Penyelidikan dimulakan dengan pengumpulan bahan-bahan rujukan daripada sumber ilmiah, seperti buku, jurnal ilmiah, buletin, internet, statistik dan bahan bertulis untuk mendapatkan fakta-fakta yang diperlukan. Pengkaji menfokuskan terlebih dahulu dalam mendapatkan data penentuan kategori umur bagi Generasi Y secara global dan di Malaysia. Seterusnya, setelah mendapatkan soal selidik yang bersesuaian, pengkaji memulakan kajian rintis dalam kalangan 30 orang Generasi Y. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang hendak digunakan untuk tabdiran kajian sebenar. Apabila hasil kajian rintis didapati baik dan konsisten, maka pengkaji memulakan tabdiran kajian sebenar. Pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan soal selidik yang ditadbir sendiri oleh pengkaji. Setiap responden dianggar menyiapkan set soal selidik selama 5 hingga 8 minit. Setelah responden selesai melengkapkan soal selidik dan diserahkan semula kepada pengkaji, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang telah diberikan.

Analisis Data

Teknik analisis data yang digunakan dalam kajian ini adalah *Statistical Packages for Social Science* (SPSS) 21.0 IBM. Maklumat latar belakang diri responden dianalisis secara deskriptif, manakala hubungan antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup dianalisis menggunakan analisis Korelasi Pearson. Bagi melihat perbezaan di antara multietnik pula, pengkaji menggunakan teknik analisis Anova Sehala. Bagi melihat perbezaan secara gender pula menggunakan ujian t.

KEPUTUSAN

Bahagian ini menjelaskan hasil keputusan analisis kajian yang telah dijalankan. Penjelasan merangkumi hasil kajian rintis dan pengujian hipotesis. Keputusan dibahagikan kepada keputusan diskriptif dan inferensi. Jadual 1 menunjukkan keputusan diskriptif iaitu keputusan factor demografi.

Jadual 1: Taburan Kajian Berdasarkan Faktor Demografi

Demografi		Jumlah (N)	Peratus (%)
Jantina	Perempuan	520	59
	Lelaki	361	41
Etnik	Bajau	179	20.3
	Dusun	111	12.6
	Melayu	110	12.5
	Bugis	105	11.9
	Suluk	88	10
	Sungai	76	8.6
	Kadazan	68	7.7
	Cina	52	5.9
	Lain-lain	52	5.9
	India	40	10
Pencapaian Akademik	STPM	215	24.4
	SPM	143	16.2
	PMR	137	15.5

N = 881

Hasil Kajian Rintis

Berdasarkan analisis pekali alfa Cronbach yang telah dijalankan untuk melihat tahap kebolehpercayaan instrumen, didapati tahap kebolehpercayaan dua jenis instrumen piawai adalah pada tahap yang baik. Sebagai mana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 nilai pekali alfa Cronbach untuk instrumen *The Rathus Assertiveness Schedule* (RAS) adalah 0.754, manakala *The Life Satisfaction Questionnaire-9* (LISAT-9) adalah 0.717.

Jadual 2: Tahap Kebolehpercayaan Nilai Pekali Alfa Cronbach

Instrumen	Nilai Pekali Alfa Cronbach
<i>The Rathus Assertiveness Schedule</i> (RAS)	0.754
<i>The Life Satisfaction Questionnaire-9</i> (LISAT-9)	0.717

Pengujian Hipotesis

a) *Hubungan di antara ketegasan diri dan kepuasan hidup Generasi Y*

Hasil analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3 menjelaskan korelasi di antara ketegasan diri dan kepuasan hidup Generasi Y. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah [$r = 0.125$, $n = 881$, $k < 0.01$]. Oleh itu, hipotesis yang dibina berkenaan terdapat hubungan antara ketegasan diri dan kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y adalah diterima.

Jadual 3: Keputusan Korelasi bagi Ketegasan Diri dan Kepuasan Hidup Generasi Y

Pemboleh ubah	Kepuasan Hidup	
	Sig.	Korelasi (r)
Ketegasan Diri	0.000	0.125

$K < 0.01^{**}$

b) *Perbezaan kepuasan hidup Generasi Y mengikut aspek jantina*

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis perbezaan kepuasan hidup dari aspek jantina. Berdasarkan analisis yang dijalankan menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan dalam skor lelaki (min=27.63, SP=3.28) dan perempuan (Min=27.59, SP=3.24) [$t(879)=0.04$, $p > 0.05$]. Magnitud perbezaan dalam min antara kedua jantina tersebut adalah sangat kecil. Oleh itu, hipotesis yang dibina adalah ditolak.

Jadual 4: Perbezaan Kepuasan Hidup dari aspek Jantina

	F	t	df	Sig.
Kepuasan Hidup	0.004	0.150	879	0.951

$p > 0.05$

c) *Perbezaan kepuasan hidup Generasi Y mengikut aspek multi-etnik*

Jadual 5 menunjukkan perbezaan mengikut etnik kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan mengikut etnik dalam pengujian tersebut ($F(9, 871)=1.53$, $p > 0.05$). Oleh itu, hipotesis yang dibina adalah ditolak.

Jadual 5: Keputusan ANOVA Sehalu Bagi Kepuasan Hidup Generasi Y mengikut Etnik

Etnik	df	MKD	JKD	f	Sig.
Antara kumpulan	9	16.16	145.51	1.53	0.13
Dalam kumpulan	871	10.54	9183.71		

$P > 0.05$

PERBINCANGAN

Objektif utama kajian dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan yang wujud antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y mengikut etnik. Berdasarkan keputusan, ketegasan diri dikaitkan dengan kepuasan hidup Generasi Y. Tahap ketegasan diri yang tinggi akan menyebabkan Generasi Y menilai kepuasan hidup mereka secara positif. Hal ini demikian kerana, Generasi Y yang bersifat tegas diri lazimnya akan memastikan kehidupan yang dijalani adalah dalam keadaan yang baik dan memuaskan. Kehidupan yang baik dan memuaskan akan dapat dicapai melalui perhubungan yang positif dengan persekitaran (Delamater & McNamara 1991). Dapatan kajian yang diperoleh ini disokong dengan dapatan kajian oleh Salleh dan Zuria (2009), yang menjelaskan bahawa hubungan yang positif ini dapat membantu membina kehidupan yang lebih baik dan kepuasan dalam hidup. Selain itu, Ketegasan diri juga merupakan sifat yang memberi pengaruh yang kuat dalam hidup Generasi Y, yang mana Generasi Y yang memiliki ketegasan diri mempunyai prinsip dalam kehidupan yang tinggi dan bermatlamat. Maka, prinsip yang diamalkan sentiasa dipatuhi dan menjadi panduan hidup, manakala matlamat sentiasa cuba dicapai. Kepatuhan kepada prinsip hidup dan pencapaian matlamat dalam hidup bagi Generasi Y dapat meningkatkan kepuasan hidup mereka. Cacic, Mihaljevic dan Perkovic (2006) menjelaskan bahawa Generasi Y yang mempunyai ketegasan diri yang tinggi adalah seorang yang berorientasikan pencapaian matlamat, aktif, bijak dalam strategi penyelesaian masalah dan lebih berpuas hati dengan hidup mereka.

Secara teoritikalnya, iaitu dengan merujuk kepada Teori Keperluan Maslow yang menjelaskan mengenai kepuasan hidup seseorang individu akan dapat dicapai sekiranya individu tersebut telah memenuhi lima peringkat keperluan hidup, iaitu keperluan terhadap aspek fisiologikal, keperluan keselamatan, keperluan kepada kasih sayang dan pemilikan dan juga keperluan terhadap penghargaan sendiri (Maslow 1943). Dalam konteks Generasi Y berdasarkan dapatan kajian ini, pemboleh ubah ketegasan diri dijelaskan dalam keperluan penghargaan sendiri jenis tinggi iaitu merujuk kepada keperluan individu untuk menghormati dirinya sendiri. Generasi ini mampu memenuhi keperluan untuk bersikap tegas terhadap diri sendiri dengan menunjukkan kekuatan diri ataupun penguasaan diri terhadap sesuatu perkara ataupun isu yang timbul. Kapasiti menunjukkan penguasaan diri ini secara tidak langsung memberikan peluang kepada Generasi Y untuk hidup berdikari, sekali gus menilai dan menghargai kelebihan yang ada pada dirinya (Salleh & Zuria 2009).

Manakala, bagi perbezaan kepuasan hidup Generasi Y mengikut aspek jantina, analisis kajian menunjukkan bahawa kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y di Sabah sama ada lelaki mahupun perempuan adalah tidak terdapat perbezaan namun positif. Dalam konotasi yang lebih mudah, Generasi Y lelaki dan perempuan di Sabah adalah berpuas hati dengan kehidupan yang mereka jalani. Dapatan kajian ini serupa dengan kajian yang telah dijalankan oleh Zane et al.

(1991), Kilkus (1993) dan Fukuyama dan Greenfield (1983) yang juga mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan daripada aspek jantina dalam hubungan antara ketegasan diri dan juga kepuasan hidup. Selain daripada daripada itu, kajian lain berkenaan dengan signifikasi perbezaan jantina dalam kepuasan hidup juga telah dijalankan oleh Baron dan Byrne (2004) dan Herringer (1998). Dapatan kajian masing-masing menunjukkan bahawa lelaki adalah lebih tegas berbanding dengan perempuan. Kedua-dua kajian ini menyimpulkan bahawa ketegasan diri Generasi Y perempuan adalah lebih rendah dalam mempengaruhi kepuasan hidup berbanding lelaki. Dapatan kajian ini berbeza secara keseluruhannya dengan dapatan kajian dalam kalangan Generasi Y di Sabah, yang mana mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi jantina dalam kalangan Generasi Y di Negeri Sabah.

Sementara itu, bagi perbezaan kepuasan hidup mengikut aspek etnik juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan bagi Generasi Y di Sabah. Hasil analisis terhadap hipotesis ini menunjukkan bahawa Generasi Y di Sabah sememangnya berada pada tahap kepuasan hidup yang baik. Hal ini daripada dilihat daripada segi budaya dan persekitaran mereka dibesarkan. Daripada segi budaya, mereka dibesarkan dalam memahami konsep kesyukuran dengan apa yang dicapai dan sentiasa dibesarkan supaya menerima sesuatu perkara dengan positif. Konsep penerimaan positif ini dapat membawa kepada kepuasan hidup dalam generasi Y apabila mereka membesar. Daripada segi persekitaran pula, golongan generasi Y sentiasa melihat rakan-rakan dan jiran mereka untuk membesar dengan perasaan yang positif, yakni menyumbang kepada kepuasan hidup mereka. Syed, Walker, Lee, Umana-Taylor, Zamboanga, Schwartz, Armenta dan Huynh (2013) menjelaskan bahawa individu yang mengetahui kumpulan etniknya sendiri semenjak peringkat kanak-kanak maka akan merasa bangga dengan etniknya dan hidup dengan perasaan yang positif, yakni menyumbang kepada kepuasan hidup. Oleh yang demikian, faktor kepelbagaian etnik dalam kalangan Generasi Y khususnya, tidak mewujudkan perbezaan yang signifikan dalam menentukan kepuasan hidup golongan ini. Hal ini berkemungkinan dapat disimpulkan bahawa, Generasi Y daripada konteks masyarakat dan latar belakang mana pun, akan cenderung untuk mempunyai kepuasan hidup yang tinggi sekiranya golongan ini mengambil setiap perkara dalam hidup dengan lebih positif dan tidak berputus asa dengan apa yang diperolehi. Generasi Y mesti perlu sentiasa berpendapat mereka mempunyai platform yang membolehkan mereka menunjukkan dan mengaplikasikan ketegasan diri agar kepuasan hidup mereka sentiasa baik.

RUMUSAN

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk melihat hubungan antara ketegasan diri dengan kepuasan hidup dalam kalangan Generasi Y mengikut etnik di Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketegasan diri mempunyai hubungan dengan kepuasan hidup Generasi Y di Sabah. Manakala, didapati juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kepuasan hidup mengikut aspek jantina dan etnik.

Bagi faktor yang mempengaruhi ketegasan diri pula, Generasi Y melaporkan bahawa faktor personaliti diri lebih memainkan peranan penting dalam membentuk ketegasan diri.

RUJUKAN

- 1Klik. 2015. Etnik Sabah dalam kepelbagaian kebudayaan. Diakses Februari 5., <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/budaya/7481-etnik-sabah-dalam-kepelbagaian-kebudayaan.html>
- Baron, R., and Byrne, D. 2004. *Social psychology*. Prentice-Hall, Inc. New Jersey,.
- Beutell, N. 2006. Life Satisfaction, a Sloan Network Encyclopaedia Entry. *Journal of Sloan Work and Family* 2, no. 3: 1125-1127.
- Cakić, L., Mihaljević, S., and Perković, M. 2014. Life satisfaction and certain forms of adolescents' activities. Paper presented at the 3rd European Conference on Positive Psychology, Braga, Portugal. Diakses Julai 7., <http://www.pozitivna-psihologija.com/ppp/Cakic%20Mihaljevic%20Perkovic.doc>
- Dalai Lama. 2009. *The Dalai Lama's Book of Wisdom*. Hammersmith, London; Thorsons Publishers.
- Delamater, R. J. and McNamara, J, R. 1991. Perceptions of assertiveness by women involved in a conflict situation. *Behavior Modification* 15, no. 2: 173-193.
- Diener, E. 1984. Subjective Well Being. *Psychological Bulletin* 95: 542-575.
- Diener, E. 2000. Subjective Well-Being: The Science of Happiness and a Proposal for a National Index. *American Psychologist* 55, no. 1: 34-4.
- Diener, E., Lucas, R. E., Oishi, S., and Suh, E. M. 2002. Looking up and looking down: Weighting good and bad information in life satisfaction judgments. *Personality and Social Psychology Bulletin* 28: 437-445.
- Diener, E., and Diener, B. R. 2008. *The science of optimal happiness*. Boston: Blackwell Publishing.
- Dwairy, M. 2004. Culturally sensitive education: Adapting self-oriented assertiveness training to collective minorities. *Journal of Social Issues* 60, no. 2: 423-436.
- Eriksen, T. H. 2001. Ethnic identity, national identity and intergroup conflict: the significance of personal experiences. In *Social Identity, Intergroup Conflict and Conflict Reduction 2001*, edited by Ashmore, R. D., Jussim, L., and Wilder, D. Oxford: Oxford University Press.

- Fukuyama, M. A. and Greenfield, T. K. 1983. Dimension of Assertiveness in an Asian-American students population. *Journal of Counseling Psychology* 30, no. 3: 429-432.
- Herringer, L. G. 1998. Facets of extraversion related to life satisfaction. *Personality and Individual Differences* 24: 731-73.
- Horovitz, B. 2014. After Gen X, Millennials, what should next generation be?. *USA Today*, Jun.
- Huebner, E. S. 1994. Preliminary development and validation of a multidimensional life satisfaction scale. *Psychological Assessment* 6 :149-58.
- Hurlock, K. 2009. Fourteenth Century England V. *History* 95, no. 317: 112-113.
- Iriani, N. 2009. *Pengaruh Pelatihan Asertivitas Terhadap Peningkatan Harga Diri*. Tesis : Fakultas Psikologi Universitas Gadjah Mada.
- Kilkus, S. P. 1993. Assertiveness among professional nurses. *Journal of Advanced Nursing* 18: 1324-1330.
- Maslow, A. H. A 1943. Theory of Human Motivation. *Psychological Review* 50: 370-396.
- Mohd. Ismail, M. 2004. *Menjadi Belia Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Park, N., and Huebner, E. S. 2005. A cross-cultural study of the levels and correlates of life satisfaction among adolescents. *Journal of Cross Cultural Psychology* 36: 444-456.
- Poyrazli, S. 2000. The role of assertiveness, academic experiences, and academic self-efficacy on psychosocial adjustment of graduate international students. Doctorate's thesis, University of Houston,.
- Pratanti. 2014. Perilaku Asertif. Diakses Julai 14,. [http://mitaunair-fk12.web.unair.ac.id/artikel_detail-67465-Gudang%20Rongsokan PERILAKU%20ASERTIF.html](http://mitaunair-fk12.web.unair.ac.id/artikel_detail-67465-Gudang%20Rongsokan%20PERILAKU%20ASERTIF.html)
- Salleh, A. 2007. *Refleksi sistem pendidikan negara dan kesan kepada kesihatan mental pelajar*. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Salleh A., and Zuria, M. 2009. Hubungan antara Ketegasan Diri dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34, no. 2: 49 –65.

- Santrock, J. 2002. *Life Span Development* (2nd ed) . United States: McGraw-Hill.
- Schimmack, U., Oishi, S., Furr, R. M., and Funder, D. C. 2009. Personality and life satisfaction: a facet-level analysis. *Personality and Social Psychology Bulletin* 30, no. 8: 1062-1075.
- Siti Nor, Y., Tan, S. A., Tan, J. P., and Rumaya, J. 2012. Malaysian Adolescents' Life Satisfaction. *Archives Des Sciences* 65, no. 8: 182-192.
- Strauss, W., and Howe, N. 1991. *Generations: The history of America's future, 1583 to 2069*. New York, NY: Quill William Morrow.
- Strauss, W., and Howe, H. 2000. *Millennials Rising: The Next Great Generation. Cartoons by R. J. Matson*. New York, NY: Vintage Original.
- Sue, D., Ino, S., and Sue, D. M. 1983. Non assertiveness of Asian Americans: An inaccurate assumption? *Journal of Counseling Psychology* 30, no. 4: 581-588.
- Sue, D. W. And Sue, D. 1990. *Counseling the Culturally Different*. New York: John Wiley & Son.
- Syed, M., Walker, L. H. M., Lee, R. M., Umana-Taylor, A. J., Zamboanga B, L., Schwartz S, J. , Armenta, B. E and Huynh, Q. L. 2013. A Two-Factor Model of Ethnic Identity Exploration: Implications for Identity Coherence and Well-Being. *Cultural Diversity & Ethnic Minority Psychology* 19, no. 2.
- Thompson, C. A., Ishii, S. and Klopf, D. 1990. Japanese and American compared on assertiveness/responsiveness. *Psychological Reports* 66: 829-830.
- Thompson, C. A. and Klopf, D. W. 1995. Social style among North America, Finnish, Japanese, and Korean University Students. *Psychological Reports* 77: 60-62.
- Yager, T. J., and Rotheram-Borus, M. J. 2000. Social expectation among African American, Hispanic and European American Adolescents. *Cross-Cultural Research* 34, no. 3: 283-305.
- Zane, N. W. S., Sue, S., Hu, L. And Kwon, J. H. 1991. Asian-American assertion: A social learning analysis of cultural differences. *Journal of Counseling Psychology* 38, no. 1: 63-70.

Profil Penulis :**Balan Rathakrishnan, Phd***Fakulti Psikologi dan Pendidikan**Universiti Malaysia Sabah**88450 Kota Kinabalu,**Sabah**019-377 9964**balanratha@yahoo.com / balanratha1973@gmail.com***Noor Fazariah Suis @Mohd Rusd***Fakulti Psikologi dan Pendidikan**Universiti Malaysia Sabah**88450 Kota Kinabalu,**Sabah**019-581 8503**faza@ums.edu.my*